"*bersama*" DAN "*bersama-sama dengan*": ANALISIS SOSIOKOGNITIF

JUNAINI KASDAN
junaini@dbp.gov.my
Bahagian Peristilahan
Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur

NOR HASHIMAH BINTI JALALUDDIN & ZAHARANI AHMAD
shima@ukm.my, zaharani@ukm.my
Pusat Pengajian Bahasa dan Linguistik
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia

ABSTRAK

Dalam hal yang berkaitan dengan pengajaran bahasa Melayu di sekolah, ia sangat berfokus kepada nahu preskriptif, iaitu Tatatabahasa Dewan. Hal ini adalah kerana Tatabahasa Dewan memberikan panduan kepada remaja agar dapat menguasai struktur ayat dengan baik melalui beberapa peraturan yang ditetapkan. Pelanggaran terhadap rumus-rumus yang telah ditetapkan ini akan dianggap salah, sekaligus memperlihatkan kelemahan tahap penguasaan bahasa Melayu remaja. Berdasarkan ujian karangan bahasa Melayu yang diberikan kepada 1,523 orang remaja tingkatan empat dari beberapa zon dan negeri terpilih di seluruh Malaysia, kajian mendapati bahawa 25.9% (377) remaja hanya dapat menguasai struktur ayat bahasa Melayu pada tahap sederhana, manakala 2.5% (35) remaja lainnya masih tidak mampu menguasainya dengan baik. Berhubung dengan kesalahan struktur ayat, kajian mendapati bahawa kesalahan terhadap penggunaan kata kerja tak transitif "*bersama*" dan "*bersama-sama dengan*" adalah bersifat tekal (*consistant*). Oleh yang demikian, kajian ini akan cuba mengenalpasti dan menghuraikan kesalahan tersebut, yang dianggap melanggar peraturan nahu pegangan/nahu preskriptif melalui analisis sosiokognitif. Analisis ini dibandingkan pula dengan data korpus bahasa Melayu untuk melihat kesahihan sesalahan tersebut. Hasil dapatan menunjukkan bahawa remaja tidak melakukan kesalahan dengan sewenang-wenangnya, seperti yang didakwa oleh Tatabahasa Dewan.

Kata Kunci: kata kerja tak transitif, kesalahan struktur ayat, nahu preskriptif, sosiokognitif

ABSTRACT

With regards to the teaching of Malay language in schools, it is very focused on prescriptive grammar, i.e Tatabahasa Dewan. This is because Tatabahasa Dewan is able to provide the grammar rules to adolescence and help them to be more proficient in acquiring the Malay grammatical structures. Failure in grasping the rules is considered as mistake and simultaneously reflects the adolescence weakness in mastering the language. Based on Malay composition test given to 1523 adolescence in form 4 from various zones in the selected states of Malaysia, the study shows that only 25.9% (377) adolescence are able to master the Malay grammar structure at the fair level, meanwhile 2.5% (35) of them failed to do so. This study demonstrates that mistakes on the sentence structure especially the intransitive verbs are very consistent. Therefore, this study tries to identify and explain the mistake which is considered as violating the prescriptive grammar with the analysis of socio-cognitive. This bad sentence is henceforth compared to the corpus driven from the Malay data bank in order to verify the claim. Findings prove that the mistakes done by adolescence is not arbitrary and not violating the rules as asserted by Tatabahasa Dewan.

Key Words: *intransitive verbs, sentence structure mistakes, prescriptive grammar, socio- cognitive*

Pengenalan

Penguasaan bahasa tidak sekadar terhad kepada kebolehan membaca dan menulis, sebaliknya ia mencakupi kemampuan menggunakan bahasa tersebut dengan rumus, makna dan adab yang betul (Nor Hashimah 2010). Dalam hal yang berkaitan dengan pengajaran bahasa Melayu dalam kalangan remaja, mereka hendaklah mematuhi peraturan yang ditetapkan, dan pada masa yang sama tidak mengabaikan unsur pragmatik dan ketepatan bunyi atau penggunaannya. Dalam hal ini, nahu preskriptif yang diwakili oleh Tatabahasa Dewan (2006) dijadikan pegangan. Pelanggaran terhadap rumus-rumus tatabahasa yang telah ditetapkan dalam nahu pegangan ini akan dianggap salah, sekaligus memperlihatkan penguasaan bahasa Melayu pelajar yang lemah. Menurut Zaharani & Fazal (2010), kelemahan penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan remaja ini adalah disebabkan pelajar keliru antara maklumat linguistik dengan maklumat pragmatik, dan keliru antara nahu preskriptif yang dipelajari di sekolah dengan nahu praktis yang diperoleh di luar sekolah.

Menurut Juriah et al. (1994), kesalahan bahasa berlaku disebabkan faktor gangguan daripada bahasa ibunda. Pengkaji juga mendapati bahawa seseorang akan melakukan kesilapan bahasa kerana kekurangan pengetahuan penutur terhadap sistem bahasa yang dituturkannya, meliputi aspek sebutan, tatabahasa, leksikal, ejaan dan ciri-ciri ketatasusilaan bahasa. Kajian tentang penguasan bahasa, khususnya entang kesalahan pelajar yang berkaitan dengan pembentukan struktur ayat seterusnya ditangani oleh Fazal et. al (2010), Dalam hal ini pengkaji melihat kehadiran kata *lagi* yang didahului dengan kata kerja transitif. Kesalahan yang dilakukan pelajar dibandingkan dengan data korpus bahasa Melayu untuk melihat kesahihan kesilapan tersebut. Hasil kajian tersebut mendapati bahawa data korpus menyokong penulisan remaja dan membuktikan bahawa mereka ini tidak melakukan kesilapan seperti yang didakwa oleh Tatabahasa Dewan kerana kata *lagi* dapat dikelaskan sebagai adjung yang tidak menganggu rumus yang memerlukan urutan berturut di antara kata kerja dengan objek seperti yang di dakwa oleh Tatabahasa Dewan. Selanjutnya, Zafdah (dalam Arpan 1998) yang mengkaji tentang pola penggunaan kata sendi nama dalam penulisan karangan pelajar tingkatan satu mendapati bahawa pelajar banyak melakukan kesalahan sendi nama "*di*" dan "*pada*" di tempat yang sepatutnya dan ramai pelajar keliru dalam penggunaan frasa sendi nama "*di dalam*" dan "*di antara*"

Berkaitan dengan kesalahan struktur ayat ini, Koh Boh Boon (1994) berpendapat bahawa kesalahan yang dilakukan pelajar adalah berpunca daripada kelemahan pelajar yang

tidak menguasai teori asas tatabahasa itu sendiri. Tanggapan tersebut adalah hasil kajian yang dijalankan ke atas guru-guru pelatih terhadap dua jenis ayat pasif. Sebanyak 70.0% guru pelatih tidak dapat membetulkan kesalahan ayat pasif. Nor Zaiton et al. (dalam Zamri 2008) pula mendapati bahawa kesalahan yang sering dilakukan oleh pelajar Cina dalam menguasai bahasa Melayu ialah kesalahan struktur ayat majmuk, struktur ayat pasif dan struktur ayat saduran bahasa Inggeris.

Menyedari akan kelemahan remaja dalam menguasai struktur ayat bahasa Melayu, kajian ini dilaksanakan dengan tujuan khusus untuk mengenal pasti tahap penguasaan struktur ayat bahasa Melayu dalam kalangan remaja. Meskipun bahasa Melayu dipelajari secara formal dari peringkat sekolah rendah hingga ke peringkat pengajian tinggi, namun banyak kajian terdahulu menunjukkan bahawa pelajar remaja masih menghadapi masalah dengan pembinaan struktur ayat. Dalam hal ini penulis melihat fenomena yang berlaku melalui pendekatan sosiokognitif. Kajian juga bertujuan untuk menghuraikan tahap penguasaan struktur ayat dalam kalangan pelajar remaja berdasarkan penerapan teori Sosiokognitif.

Teori Sosiokognitif dan Peranannya

Pada umumnya, aspek penulisan merupakan salah satu aspek penting yang dinilai dalam proses pembelajaran terutamanya dalam mata pelajaran bahasa Melayu. Dalam sistem peperiksaan, aspek ini sangat mempengaruhi sebahagian daripada pemberian markah. Lazimnya, pelajar akan cuba menghasilkan sebuah karangan yang disusun dengan kemas dan menarik. Namun, tanpa disedari, pelbagai peraturan tatabahasa pegangan yang telah diajarkan guru, terabaikan. Hakikatnya, selain guru di sekolah, bahan-bahan bacaan seperti surat khabar, majalah dan buku-buku rujukan, khususnya yang bukan terbitan DBP turut dijadikan model peranan teks oleh pelajar semasa menghasilkan karangan. Ada kalanya tatabahasa yang digunakan oleh model teks dan bahasa pertuturan mereka sehari-hari sangat berbeza dengan tatabahasa pegangan. Namun, pengulangan yang berlaku secara tekal dan berterusan yang dilihat oleh pelajar melalui model teks ini akhirnya tersemat dalam kognisi pelajar, dan kemudiannya diturunkan dalam karangan mereka. Akibatnya, hasil karangan pelajar dinilai sebagai “kurang memuaskan” atau “lemah” oleh para pemeriksa yang sangat patuh kepada tatabahasa pegangan. Menyedari hakikat tersebut, maka teori Sosiokognitif yang pada awalnya dikenali sebagai teori pembelajaran sosial kognitif dimanfaatkan untuk menjelaskan fenomena kebahasaan yang berlaku.

Teori sosiokognitif (Bandura 1989), yang lebih popular dalam bidang psikologi dan pendidikan merupakan peluasan dari teori belajar perilaku tradisional atau behaviorism. Pada awalnya, teori ini dikenali sebagai Teori Pembelajaran Sosial dan ada kalanya disebut juga sebagai Teori Pembelajaran Kognitif Sosial. Dalam perkembangan selanjutnya, iaitu pada tahun 1986 teori ini dinamakan semula sebagai Teori Kognitif Sosial:

> *In addition, Bandura also introduced several other important concepts, including reciprocal determinism, self-efficacy, and the idea that there can be a significant temporal variation in time lapse between cause and effect. In 1986, Bandura renamed his SLT, Social Cognitive Theory (SCT), as better description of what he had been advocating since the 1960's. This name change was also likely the result of an effort to further distance himself and his theory from the behaviorist approach*
>
> (Bandura, 1986).

Manakala istilah sosiokognitif pula, pertama kali dikemukakan oleh Atkinson (2002) sebagai hibrid atau gabungan daripada istilah sosial dan kognitif:

> *The term sociocognitive is proposed by Atkinson as the hybrid of the social and the cognivite. The socialist related to what is going on in the outside world; the cognitive is related to what is going on in the inside world. It is based on the belief that language and language acquisition are social and cognitive.*
>
> (Atkinson 2002).

Penggunaan istilah sosiokognitif turut menyebar dan terdifusi dalam kalangan penganut Teori Sosial Kognitif, sehingga teori ini kini lebih dikenali dengan nama Teori Sosiokognitif. Jika dilihat dari segi penguasaan bahasa, teori ini tidak mempunyai kaitan secara langsung dengan bahasa kerana ia merupakan teori psikologi, teori pembelajaran dan teori tingkah laku. Namun, tidak ada salahnya jika teori ini dieksploitasi dan diperluas, serta diterapkan ke dalam bidang linguistik, khususnya pengajaran dan penguasaan bahasa.

Teori Sosiokognitif menekankan bahawa kelakuan manusia saling bertindak antara kognitif, tindakan dan ejen penentu persekitaran. Gagasan utama teori ini menyatakan, pembelajaran dan perubahan tingkah laku dapat dilakukan melalui pemerhatian dan peniruan model. Melalui pemerhatian dan peniruan model, proses pembelajaran dan perubahan tingkah laku dapat dilakukan dengan lebih cepat secara maksimum. Bandura (1989) berpendapat bahawa pembelajaran melalui pemerhatian lebih berkesan daripada pembelajaran langsung. Melalui pemerhatian, mereka dapat meniru apa yang sepatutnya dan yang tidak

sepatutnya dilakukan dengan mudah kerana mereka diajak berada di persekitaran yang sebenar. Pada umumnya, terdapat tiga jenis model, iaitu model yang bernyawa (anggota keluarga, guru, rakan sebaya dan sebagainya), kedua, model ikonik dan simbolik (representasi bergambar seperti kartun, filem dan televisyen), dan ketiga, model teks atau arahan verbal (akhbar dan media cetak lain). Tindak balas terhadap model ini bergantung pada ciri yang pelbagai. Pembelajaran bermula apabila seseorang itu bertindak sewaktu menerima sesuatu rangsangan. Tindakan tersebut mungkin secara perbuatan atau pemikiran terhadap rangsangan yang diterima. Walau bagaimanapun, tidak semua rangsangan diterima oleh seseorang, dan disimpan dengan baik. Jika seseorang itu tidak berminat pada sesuatu pelajaran kemungkinan besar proses pembelajarannya tidak berjalan dengan baik.


Berdasarkan hasil ujian bahasa Melayu yang dijalankan ke atas remaja yang terlibat, kesalahan struktur ayat yang dilakukan kerana dianggap bertentangan dengan nahu pegangan disenaraikan dan dikelompokkan mengikut pola-pola yang wujud (sekiranya berlaku pola). Kesalahan dalam struktur ayat yang dimaksudkan termasuklah kesalahan morfologi, morfosemantik dan morfosintaksis. Kesalahan kemudiannya dirujuk kepada nahu praktis dengan bantuan korpus. Sekali lagi, kesalahan yang ditemukan daripada korpus dikelompokkan mengikut pola-pola yang berlaku. Kedua-dua pola, iaitu pola yang berlaku dalam kalangan remaja dan data korpus kemudiannya dibandingkan bagi melihat kemungkinan wujud peniruan model teks. Penggunaan data korpus dalam kajian ini adalah bertujuan untuk mendapatkan kesimpulan yang bersifat objektif dan empiris kerana data korpus merupakan data sebenar dan realistik, serta menggambarkan konteks sosial yang sebenar. Kajian tanpa sumber yang sahih dan nyata, yang dapat mewakili penggunaan bahasa penutur asli bahasa Melayu tentunya akan mengimplikasikan dapatan yang tidak sahih. Data yang empiris membolehkan pengkaji bahasa membuat kenyataan yang objektif dan bukannya kenyataan yang bersifat subjektif atau yang berdasarkan persepsi kognitif dalaman seseorang individu terhadap bahasa (Leech 1992).

Latar Belakang Responden

Kajian ini melibatkan 1,523 pelajar tingkatan empat dari 15 buah sekolah di Malaysia yang dipilih berdasarkan sampel berkelompok (*cluster sampling*) mengikut zon/negeri, iaitu zon tengah (Seremban, Negeri Sembilan), zon timur (Kelantan), zon utara (Kedah), Sabah dan Sarawak. Kewajaran pemilihan pelajar tingkatan empat adalah kerana mereka merupakan

kumpulan pelajar yang mengecap pendidikan wajib pada tahap akhir. Pada tahap ini mereka dianggap memiliki kematangan yang baik dalam menguasai bahasa Melayu kerana telah mempelajari bahasa Melayu secara formal untuk tempoh 10 tahun. Dua siri peperiksaan peringkat kebangsaan, iaitu Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) dan Penilaian Menengah Rendah (PMR) yang telah ditempuh oleh pelajar juga tentunya dapat memberikan gambaran bahawa mereka seharusnya sudah mampu menguasai bahasa Melayu dengan baik dalam pelbagai aspek.

Pada umumnya, kajian mendapati bahawa sebahagian besar remaja tidak menghadapi masalah untuk membentuk ayat. Daripada pencerapan data, didapati 71.7% (1,043) remaja mampu membentuk struktur ayat yang baik dalam esei, 25.9% (377) remaja berada pada tahap sederhana dan hanya 2.4% (35) remaja masih lemah atau tidak mampu membina ayat yang baik. Pada umumnya, jumlah keseluruhan kesalahan struktur ayat yang dilakukan remaja ialah 8,589 kesalahan, dengan purata kesalahan ialah enam dan kesalahan tertinggi berjumlah 29. Termasuk dalam kesalahan struktur ayat ialah pembentukan ayat yang tidak gramatis, kesalahan penggunaan kata penguat, kesalahan penggunaan kata sendi, kesalahan penggunaan kata ganda, kesalahan penggunaan penanda jamak, kesalahan penggunaan ganti nama, kesalahan penggunaan kata pemeri, kesalahan penggunaan kata penegas, kesalahan pemilihan kata/diksi, kesalahan penggunaan kata hubung dan pertautan ayat. Rajah 1 memberikan gambaran taburan jenis kesalahan struktur ayat yang dilakukan pelajar.



Rajah 1: Kekerapan kesalahan struktur ayat pelajar remaja

Tatabahasa Dewan (2004) menetapkan bahawa awalan *ber-* berfungsi untuk membentuk kata kerja. Perkataan yang menerima awalan ini menjadi kata kerja yang bersifat tak transitif, sama ada yang memerlukan pelengkap atau yang tidak memerlukan pelengkap. Pada dasarnya terdapat satu bentuk awalan *ber-*, iaitu *ber-* yang digabungkan dengan semua kata dasar. Skema pemarkahan guru menetapkan bahawa ayat yang mengandungi ungkapan seperti **"**... *meluangkan masa bersama keluarga* ...**"**, "... *berkhemah bersama rakan-rakan* ..." dan **"**... *bercuti bersama keluarga* ...**"** dianggap menyalahi struktur ayat bahasa Melayu, selain mendukung makna yang salah, sekali gus mengakibatkan pemotongan markah. Dalam hal ini kata kerja tak transitif *bersama* hendaklah ditulis sebagai **"...** *bersama-sama* ...**"** atau "... *bersama dengan* ...**"** bagi membawa maksud berserta. Daripada 1,716 kesalahan yang berkaitan dengan kata kerja tak transitif *bersama*, kajian mendapati bahawa 63.0% (1,081) kesalahan adalah disebabkan penggunaan *bersama* tanpa diikuti dengan kata hubung *dengan*, manakala selebihnya, 37.0% (635) kesalahan disebabkan penggunaan kata bersama-sama + kata hubung *dengan*. Walau bagaimanapun, hasil penganalisisan data korpus menunjukkan bahawa ungkapan seperti "... *bersama keluarga* ...**"** yang dianggap salah oleh tatabahasa pegangan, ternyata banyak digunakan oleh masyarakat. Data korpus akhbar berbahasa Melayu tahun 2005 hingga 2007 menunjukkan bahawa khalayak lebih cenderung untuk menerima bentuk struktur ayat yang dianggap salah itu. Jadual 1 memaparkan bahawa sebanyak 89.1% (8,647) daripada 9,706 baris konkordans menggunakan kata *bersama*, dibandingkan hanya 10.9% (1,059) baris konkordans menggunakan kata *bersama-sama*.

Jadual 1: Kekerapan penggunaan kata keraja *bersama* dan *bersama-sama*

KATA KERJA	JUMLAH KONKORDANS
bersama	8,647
bersama-sama	1,059
JUMLAH	9,706

Selanjutnya, Jadual 2 pula menunjukkan bahawa sebanyak 95.4% (8,251) baris konkordans yang menggunakan kata kerja tak transitif *bersama* yang tidak diikuti oleh kata hubung *dengan* dibandingkan hanya 4.6% (396) baris konkordans yang menggunakan kata *bersama* dan diikuti oleh kata hubung *dengan*, seperti yang dituntut oleh nahu pegangan.

Jadual 2: Kekerapan penggunaan kata kerja tak transitif *bersama* + (+/- kata hubung *dengan*)

IMBUHAN	JUMLAH KONKORDANS
bersama + (- *dengan*)	8,251
bersama + (+ *dengan*)	396
JUMLAH	8,647

Berdasarkan kesalahan remaja berhubung dengan penggunaan kata kerja tak transitif *bersama* dan *bersama-sama*, penulis menemukan dua pola yang menarik untuk dianalisis.

a. *Bersama* + (-kata hubung *dengan*) yang dianggap ambiguiti

Berdasarkan Tatabahasa Dewan (2004), salah satu aspek makna awalan *ber-* adalah mendukung makna berlakunya sesuatu mengikut makna yang terkandung dalam kata dasar, walaupun terdapat juga pengertian khusus, bergantung kepada golongan kata tertentu, misalnya *ber-* yang bergabung dengan kata adjektif. Sesuai dengan ketentuan tersebut, maka *bersama* (awalan *ber-* + kata adjektif *sama*) dapat digolongkan sebagai membawa makna *bersama-sama*. Kamus Dewan Edisi Keempat (2005) turut memberikan takrifan bahawa *bersama* bermaksud "(1) bersama-sama, berserta, bergandingan" di samping makna "(4) melakukan hubungan jenis". Walau bagaimanapun, struktur ayat remaja yang mempunyai formasi *bersama* + kata nama dianggap salah oleh guru pemeriksa. Dalam hal ini skema guru menetapkan bahawa kata kerja tak transitif *bersama* hendaklah diikuti dengan kata hubung *dengan*. Jika tanpa diikuti oleh kata hubung *dengan*, maka makna *bersama* dirujuk kepada takrif (4) Kamus Dewan, iaitu "melakukan hubungan jenis". Namun, bentuk yang dikatakan salah itu banyak ditemukan dalam karangan remaja, contohnya:

i. Berkhemah **bersama kawan-kawan** boleh kita berkongsi pengalaman bersama semasa berkhemah.

ii. Pada pendapat saya aktiviti masa lapang dapat dilakukan **bersama keluarga**, rakan dan guru-guru dimana saja mahupun dirumah, disekolah dan diluar rumah atau diluar sekolah.

iii. Selain itu, ibu bapa juga boleh meluangkan masa **bersama anak -anak** yang selama ini sibuk dengan kerja masing-masing.

iv. Antara aktiviti-aktiviti yang berfaedah yang dapat dilakukan untuk mengisi masa lapang ialah dengan perginya berkelah **bersama orang** tersayang seperti ibu bapa.

v. Malahan aktiviti bersukan juga memberikan faedah untuk mengisi masa lapang yang terluang begitu saja contohnya seperti aktiviti bermain bola **bersama rakan-rakan** di waktu petang.

Bagi memenuhi skema pemarkahan guru, tanpa mengubah struktur ayat asalnya, ayat (i) remaja sepatutnya direpresentasikan sebagai: *Berkhemah **bersama dengan kawan-kawan** boleh kita berkongsi pengalaman bersama semasa berkhemah*. Ayat (i) juga boleh direpresentasikan sebagai: *Berkhemah **bersama-sama kawan-kawan** boleh kita berkongsi pengalaman bersama semasa berkhemah. Selanjutnya, a*yat (ii) pula hendaklah ditulis sebagai: *Pada pendapat saya aktiviti masa lapang dapat dilakukan **bersama dengan keluarga**, rakan dan guru-guru dimana saja mahupun dirumah, disekolah dan diluar rumah atau diluar sekolah*; atau *Pada pendapat saya aktiviti masa lapang dapat dilakukan **bersama-sama keluarga**, rakan dan guru-guru dimana saja mahupun dirumah, disekolah dan diluar rumah atau diluar sekolah*. Walau bagaimanapun, peraturan yang perlu dipatuhi itu ada kalanya menjadikan ayat remaja lebih janggal bunyinya. Sekali lagi, pada hemat penulis, guru tidak seharusnya memberikan penekanan terhadap pola kata kerja tak transitif *bersama* + (-kata hubung *dengan*) sahaja kerana dari segi semantik, pola tersebut masih memberikan makna yang jelas kepada pembaca tanpa mendukung konotasi yang lain. Sebaliknya, perhatian dan tumpuan yang lebih perlu diberikan pada keseluruhan binaan ayat remaja. Tumpuan terhadap kesalahan yang remeh-temeh, hanya akan mendorong remaja untuk mempunyai persepsi yang negatif terhadap bahasa Melayu, terutama anggapan bahawa bahasa Melayu sukar untuk dipelajari dan membosankan.

Hasil pengamatan terhadap 1,081 kesalahan ayat remaja yang berkaitan dengan penggunaan kata kerja tak transitif *bersama* + (- kata hubung *dengan*), kajian mendapati bahawa 83.2% (899) kesalahan mempunyai pola *bersama* + kata nama (penggandaan penuh). Pada hemat penulis, hal tersebut sangat berkaitan dengan faktor keselesaan penyebutan. Frasa "... bersama-sama anak-anak ...", "bersama-sama orang-orang tersayang" dan "bersama-sama guru-guru" dianggap menyukarkan penyebutan kerana kedua-dua perkataan merupakan penggandaan penuh. Justeru, remaja memilih untuk untuk menggunakan kata *bersama* sahaja. Manakala penggunaan kata *bersama* yang tidak diikuti oleh kata hubung *dengan* adalah disebabkan remaja sudah sedia maklum bahawa *bersama* sudah membawa maksud

bersama (+*dengan*). Sesuai dengan usia mereka, tidak mungkin kognisi remaja mengarah kepada hal yang di luar daripada kebiasaan mereka. Bahkan, mereka hampir tidak mengetahui wujudnya takrif (4) dalam Kamus Dewan. Tambahan pula, kajian juga mendapati bahawa pola yang sama turut digunakan dalam nahu praktis sebagaimana yang ditemukan dalam data korpus akhbar berbahasa Melayu tahun 2005 hingga 2007. Contoh Janaan data korpus adalah seperti dalam Rajah 2. Hasil janaan menunjukkan bahawa terdapat 65 baris konkordans yang mengandungi struktur kata kerja tak transitif *bersama* + kata nama (gandaan penuh).

392	Jika tidak bekerja saya akan **bersama anak-anak** atau membuat kerja	BHCR23
4626	rut menjemput 30 ibu tunggal **bersama anak-anak** dari Persatuan Ibu	BHJR30
322	harus dilakukan setiap hari **bersama anak-anak** supaya mereka gemb	BHCR37
5073	n berkumpul di rumah, beraya **bersama anak-anak** dan cucu sama ada	BHKR21
5337	ah, mereka lebih suka beraya **bersama kawan-kawan** sambil mengumpul	BHKR50
5161	ga. Hetty masih ingin keluar **bersama kawan-kawan**, merasai sepenuh	BHKR28
4166	dian menubuhkan kumpulan R&B **bersama rakan-rakan** ketika berusia 1	BHIR43
5054	kerjasama dan gurau sendanya **bersama rakan-rakan** sekampung. Apaka	BHKR20
483	, beliau juga mempunyai masa **bersama rakan-rakan** seperti remaja l	BHCR48
1054	kejayaan baru yang dikecapi **bersama teman-teman** rapat saya," kat	BHDR57
2909	kin untuk menempuh kehidupan **bersama manusia** normal yang lain ada	BHGR33
3017	-anak juga tidak ketinggalan **bersama masyarakat** kampung yang memb	BHGR45
2370	h dan Sarawak dapat dikongsi **bersama masyarakat** negara ini meneru	BHFR37
2563	u sidang media yang diadakan **bersama Menteri** di Jabatan Perdana	BHFR75
2883	nggup tinggal bertahun-tahun **bersama mayat majikannya** semata-mata	BHGR30

Rajah 2: Contoh data korpus, *bersama* + (-kata hubung *dengan*) + kata nama

Berdasarkan contoh data korpus, dapat dilihat bahawa penggunaan kata kerja tak transitif *bersama* + kata nama tanpa kata hubung *dengan* adalah produktif dalam masyarakat, walaupun struktur tersebut dikatakan melanggar rumus tatabahasa pegangan yang diajarkan di sekolah. Dalam hal ini, bukanlah menjadi sesuatu yang mustahil apabila bentuk tersebut dijadikan sebagai sebahagian daripada model teks yang ditiru oleh remaja dalam usaha untuk meningkatkan penguasaan bahasa Melayu mereka. Teori Sosiokognitif ada menjelaskan bahawa manusia itu memiliki kemampuan untuk mentransformasikan pengalaman-pengalamannya menjadi simbol-simbol dan kemampuan untuk memproses simbol-simbol tersebut. Dari sini, mereka dapat menciptakan idea-idea yang melampaui pengalaman pancainderanya. Namun, hakikat bahawa manusia memiliki kemampuan simbolisasi tersebut tidak berarti bahwa mereka selalu rasional. Hasil pemikiran itu, sama ada baik atau buruk, bergantung pada tahap keterampilan berpikir seseorang dan bergantung pada lengkap atau tidaknya maklumat yang dimiliki.

Berhubung dengan penggunaan kata kerja tak transitif *bersama* yang tidak diikuti oleh kata hubung *dengan*, kajian mendapati bahawa antara alasan paling mungkin bagi menjelaskan kelemahan tersebut ialah remaja kurang menghayati apa yang diajarkan oleh guru. Oleh itu, remaja mencari alternatif lain dengan meningkatkan pembacaan, khususnya akhbar kerana ia lebih mudah diperoleh berbanding dengan buku-buku ilmiah yang lain. Dalam hal ini, model peranan teks merupakan model paling hampir dengan pelajar dalam membantu penguasaan bahasa Melayu. Hal ini sesuai dengan Teori Sosiokognitif yang menekankan bahawa hampir seluruh kegiatan belajar pada manusia itu bukan melalui pengalaman langsung, melainkan hasil pengamatannya terhadap perilaku orang lain berserta dengan risikonya. Belajar melalui pengamatan ini dikatakan memendekkan waktu yang diperlukan oleh manusia untuk mempelajari pelbagai keterampilan, seperti keterampilan berbahasa yang sangat kompleks sehingga tidak mungkin dapat dipelajari tanpa penggunaan model peranan selain daripada guru. Hal ini kerana sebagian besar perilaku manusia dan keterampilan kognitifnya dipelajari melalui pengamatan terhadap model. Pada umumnya fungsi model teks yang tergolong dalam *symbolic modeling* dapat membentuk citra seseorang dalam berbahasa.

Berbalik kepada penggunaan kata kerja tak trasitif *bersama* tanpa diikuti oleh kata hubung *dengan*, kajian mendapati bahawa peristiwa kebahasaan (yang diperoleh melalui pembacaan, khususnya akhbar) menjana kognisi remaja untuk menerima struktur ayat yang diangap salah oleh tatabahasa pegangan, tetapi diterima penggunaannya dalam masyarakat sebagai model pembelajaran tidak langsung. Pengalaman merupakan proses kognitif remaja yang kemudiannya dihubungkan dengan kehidupan mereka sebagai remaja dalam bentuk jawapan kepada soalan peperiksaan, dan mereka tidak pernah menganggapnya sebagai satu kesalahan kerana itulah bentuk (peristiwa kebahasaan) yang sering kali mereka lihat. Peniruan terhadap penggunaan pola tersebut juga bukan sekadar diperoleh daripada model teks yang dibaca, tetapi turut diperkukuh oleh bahan visual iklan yang dilihat oleh remaja berulang kali. Contohnya, visual iklan papan tanda sebuah syarikat telekomunisi "DIGI" di beberapa lebuh raya dan jalan raya utama, yang sering menjadi laluan remaja, seperti yang dipaparkan dalam Rajah 3. Iklan yang memaparkan kewujudan pola "*bersama* + kata nama", "**DIGI bersama anda**" itu, bahkan ada kalanya dilihat terus di kaca televisyen di rumah mereka, sekali gus memudahkan berlakunya proses peniruan model teks.



Rajah 3: Papan iklan "sentiasa bersama anda" di tepi lebuh raya

Pada hemat penulis, bagi membantu memperbaik struktur binaan ayat remaja, ayat (i) akan lebih baik apabila direpresentasikan sebagai: *Berkhemah bersama dengan kawan-kawan akan membolehkan kita untuk saling berkongsi pengalaman;* manakala ayat (ii) ditulis sebagai: *Pada pendapat saya, aktiviti pada masa lapang dapat dilakukan bersama dengan keluarga, rakan dan guru-guru di mana sahaja, sama ada di rumah, di sekolah atau di luar rumah dan di luar sekolah*. Ayat (iii) pula akan lebih baik jika ditulis sebagai: *Selain dari itu, ibu bapa yang selama ini sibuk dengan pekerjaan masing-masing juga boleh meluangkan masa bersama dengan anak-anak dengan menikmati keindahan alam semulajadi;* dan ayat (v) dapat diperbaik menjadi: *Tambahan pula, aktiviti sukan juga berfaedah untuk mengisi masa lapang, contohnya seperti bermain bola bersama dengan rakan-rakan pada waktu petang.*

b. *Bersama-sama* + kata hubung *dengan* yang dianggap lewah

Satu lagi bentuk kesalahan yang melibatkan kata kerja tak transitif *bersama* ialah penggunaan kata *bersama-sama* yang diikuti oleh kata hubung *dengan*. Berdasarkan takrifan Kamus Dewan Edisi Kempat (2005), kata *bersama-sama* sudah membawa makna *bersama dengan*. Oleh itu, penggunaan kata *bersama-sama dengan* dianggap sebagai lewah, sekali gus dianggap salah kerana melanggar peraturan tatabahasa bahasa Melayu. Walau bagaimanapun, bentuk kesalahan tersebut banyak dilakukan oleh remaja ketika menulis karangan. Berikut adalah beberapa contoh kesalahan yang ditemukan:

i. Aktiviti berkhemah **bersama-sama dengan rakan** mahupun keluarga juga dapat membantu mengisi masa lapang dengan berfaedah.

ii. Aktiviti keluarga membolehkan ahli keluarga meluangkan masa lapang mereka **bersama-sama dengan keluarga**, sekali gus mengelak mereka daripada melakukan aktiviti negatif.

iii. Diwaktu lapang kita boleh meluangkan masa **bersama-sama dengan keluarga** di pantai atau berkelah di tempat yang tenang.

iv. Di samping dapat menambahkan ilmu pengetahuan, kita juga dapat mengisi masa lapang kita bersama ahli keluarga contohnya kita membaca buku di masa lapang **bersama-sama dengan ibu bapa** dan anggota keluarga yang.

Sesuai dengan tuntutan skema pemarkahan guru, tanpa mengubah struktur ayat remaja, ayat (i) sepatutnya ditulis sebagai: *Aktiviti berkhemah **bersama-sama rakan** mahupun keluarga juga dapat membantu mengisi masa lapang dengan berfaedah;* dan ayat (ii) pula ditulis sebagai: *Aktiviti keluarga membolehkan ahli keluarga meluangkan masa lapang mereka **bersama-sama keluarga**, sekali gus mengelak mereka daripada melakukan aktiviti negatif*.

Setelah mengamati contoh-contoh ayat remaja, penulis mendapati bahawa *bersama-sama dengan* hanya digunakan apabila ungkapan tersebut diikuti oleh kata nama yang boleh membawa maksud jamak, contohnya keluarga, ibu bapa dan rakan. Walaupun penggunaan kata kerja tak transitif *bersama-sama* yang diikuti oleh kata hubung *dengan* dianggap lewah, namun data korpus menunjukkan wujudnya pola tersebut, yang digunakan secara produktif dalam kalangan penutur bahasa Melayu. Hasil janaan data korpus akhbar 2005 hingga 2007 seperti yang dipaparkan dalam Jadual 3 menunjukkan bahawa terdapat 1,059 baris konkordans yang menggunakan kata kerja tak transitif *bersama-sama* yang diikuti oleh kata hubung *dengan*.

Jadual 3: Kekerapan penggunaan ungkapan *bersama-sama* + (+/- kata hubung *dengan*)

IMBUHAN	JUMLAH KONKORDANS
Bersama-sama + (- *dengan*)	949
Bersama-sama + (+ *dengan*)	110
JUMLAH	1,059

Daripada hasil janaan tersebut, kajian mendapati bahawa walaupun hanya 10.4% (110) baris konkordans mempunyai pola "kata kerja tak transitif *bersama-sama* + kata hubung *dengan*"

namun menunjukkan ia wujud dalam nahu praktis. Pada umumnya, dapatan menunjukkan bahawa remaja tidak dapat menguasai peraturan tatabahasa yang melibatkan kata kerja tak transitif *bersama-sama* + (+/- kata hubung *dengan*). Pada hemat penulis, remaja terpengaruh dengan peraturan nahu praktis, iaitu nahu yang digunakan oleh masyarakat. Hasil penjanaan data korpus akhbar berbahasa Melayu tahun 2005 hingga 2007 seperti yang dipaparkan dalam Rajah 4 menunjukkan bahawa kata kerja tak transitif *bersama-sama* + (+kata hubung *dengan*) dan kata kerja tak transitif *bersama-sama* + (-kata hubung *dengan*) digunakan secara bervariasi bebas.

5937	pa mesti diberi hak untuk **bersama-sama dengan** anaknya pada bila-		BHLR77
1439	program itu adalah untuk **bersama-sama dengan** masyarakat setempa		BHDR12
5882	berpegangan tangan untuk **bersama-sama dengan** pemimpin lain berg		BHLR66
1606	rseorangan) dan juga Rexy **bersama-sama dengan** jurulatih tempatan		BHER43
4776	egenap lapisan masyarakat **bersama-sama dengan** kerajaan memikul		BHJR48
4435	ukan Islam tidak dilarang **bersama-sama dengan** orang Islam berjua		BHIR97
2684	kawal kerana mereka duduk **bersama-sama dengan** keluarga masing-ma		BHFR98
1771	h Alam terlalu murka lalu **bersama-sama dengan** semua hulubalangny		BHDR45
1604	hadapan pengantin lelaki **bersama-sama dengan** beberapa orang ali		BHQR10
1541	Motorola Malaysia untuk **bersama-sama dengan** Global Red Ambassa		BHQR94
1749	ta Chris dia harus berada **bersama-sama dengan** mereka untuk membe		BHQR11
2177	lam Parti Perikatan untuk **bersama-sama dengan** pemimpin UMNO, Tun		BHRR83
2191	3 Anniversary Roving Team **bersama-sama dengan** personaliti TV3 se		BHRR85
508	rah (IPD) Kajang, didakwa **bersama-sama dengan** seorang lagi yang		BHPR31

Rajah 4 : Contoh data korpus, kata kerja tak transitif *bersama-sama + dengan*

Teori Sosiokognitif juga menjelaskan bahawa proses belajar meliputi kegiatan pemprosesan maklumat. Dalam hal ini, kekuatan model peranan adalah terletak pada kemampuannya untuk mempengaruhi proses tersebut. Jika seseorang belajar melalui model peranan, maka mereka mesti memperhatikan dan mempersepsi perilaku model secara tepat. Tahap keberhasilan remaja pembelajaran melalui peniruan model turut dipengaruhi oleh karakteristik model atau karakteristik pengamat itu sendiri. Karakteristik model yang merupakan variabel penentu kepada tahap perhatian itu mencakup frekuensi kehadirannya, kejelasannya, daya tarik personalnya, dan nilai fungsional perilaku model itu. Demikian halnya yang berlaku kepada remaja berhubung dengan penggunaan kata kerja tak transitif *bersama-sama* + kata hubung *dengan* yang mereka gunakan. Bentuk tersebut didapati mempunyai makna yang jelas dan mempunyai frekuensi penggunaan yang tinggi. Selanjutnya, Teori Sosiokognitif juga menjelaskan bahawa karakteristik pengamat yang penting dalam proses pemerhatian adalah kapasiti sensorinya, tahap ketertarikannya, kebiasaan persepsinya, dan *pengukuhan* masa lalunya. Selanjutnya, supaya lebih efektif, perilaku model peranan hendaklah disimpan dalam ingatan. Retensi ini dapat dilakukan

dengan cara menyimpan maklumat secara imaginasi atau mengekodkan peristiwa model ke dalam simbol-simbol verbal yang mudah digunakan. Sesuatu yang bermakna bagi pengamat dan sesuatu yang dapat memperkukuh pengalaman sebelumnya akan lebih mudah diingat. Bagi remaja, bentuk kebahasaan yang mereka temukan dari model teks secara berulang kali merupakan salah satu model pembelajaran yang paling berkesan. Namun demikian, peranan guru masih diperlukan untuk membimbing dan membantu menjelaskan kepada remaja tentang bentuk atau pola bahasa yang dipilih oleh pelajar. Hal ini bagi mengelakkan pola bahasa yang digunakan tidak sesuai atau menyalahi peraturan tatabahasa pengangan, sehingga menyebabkan pemotongan markah.

Hakikatnya, walaupun dalam situasi rasmi, guru mengajar bahasa Melayu berpandukan tatabahasa pegangan, namun di luar ruang dan situasi pembelajaran bahasa Melayu yang rasmi, remaja turut didedahkan dengan pelbagai bahan bacaan lain. Model peran teks sering kali bertindak balas dengan kognisi remaja untuk membentuk sikap, iaitu menerima bentuk atau pola yang berlaku dalam masyarakat. Hal yang dianggap bertentangan dengan tatabahasa pegangan, sekali gus dianggap salah ternyata diterima dan digunakan secara meluas dalam masyarakat. Hal ini membuktikan bahawa guru bukanlah satu-satunya model peranan yang dapat mempengaruhi penguasaan bahasa Melayu remaja, tetapi ia juga banyak dipengaruhi oleh persekitaran, khususnya model teks.

Untuk membantu memperbaik struktur ayat remaja, berikut dikemukakan cadangan ayat yang telah dibetulkan sesuai dengan tuntutan skema pemarkahan guru dan tatabahasa pengangan. Dalam hal ini ayat (i) lebih baik apabila direpresentasikan sebagai: *Aktiviti berkhemah bersama-sama rakan atau keluarga juga dapat membantu mengisi masa lapang dengan berfaedah;* dan ayat (ii) sebaiknya ditulis sebagai: *Aktiviti masa lapang yang dilakukan bersama-sama keluarga dapat mengelakkan perbuatan yang negatif*. Selanjutnya, ayat (iii) boleh digantikan dengan: *Pada waktu lapang kita boleh meluangkan masa bersama-sama keluarga berkelah di pantai atau berehat di tempat yang tenang;* dan ayat (iv) diperbaik menjadi: *Di samping menimba ilmu pengetahuan, kita juga boleh mengisi masa lapang bersama dengan ahli keluarga, contohnya dengan membaca buku bersama-sama*.

Kesimpulan

Menurut Bandura proses mengamati dan meniru perilaku, termasuk sikap orang lain sebagai model merupakan tindakan belajar. Peniruan model teks dalam kalangan remaja sudah

menjadi suatu yang lumrah bahkan menjadi trend yang paling digemari kerana berandaian bahawa peniruan model teks mampu memberikan ganjaran, mendatangkan kepuasaan atau peneguhan positif, khususnya daripada guru. Dalam konteks penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan remaja, hakikat yang perlu diterima ialah walaupun dalam situasi rasmi, guru mengajar bahasa Melayu berpandukan tatabahasa pegangan, namun di luar ruang dan situasi pembelajaran bahasa Melayu yang rasmi, remaja turut didedahkan dengan pelbagai bahan bacaan lain. Model peranan teks sering kali bertindak balas dengan kognisi remaja untuk membentuk sikap, iaitu menerima bentuk atau pola yang berlaku dalam masyarakat. Hal yang dianggap bertentangan dengan tatabahasa pegangan, sekali gus dianggap salah ternyata diterima dan digunakan secara meluas oleh penutur bahasa Melayu. Hal ini membuktikan bahawa guru bukanlah satu-satunya model peranan yang dapat mempengaruhi penguasaan bahasa Melayu remaja, tetapi ia juga dipengaruhi oleh persekitaran remaja itu sendiri.

RUJUKAN

Abdul Jalil Anuar. 2000. Pangkalan data korpus dan penyelidikan bahasa: kajian kes *memper-*. Kertas kerja Persidangan Linguistik Asean 1, Universiti Kebangsaan Malaysia, 14-16 November 2000.

Abdullah Hassan. 1974. *The morphology of Malay.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Arbak Othman. 1981. *Tatabahasa bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Sarjana.

Arpan Shahbudin Latip. 1998. *Bahasa Melayu: kesilapan tatabahasa satu analisis.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Asmah Omar. 1986. *Nahu Melayu mutakhir*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Atkinson, Dwight. 2002. Toward a sociocognitive approach to second language acquisition. *The Modern Language Journal*, 86(iv): 526-545.

Bandura, Albert. 1989. *Social cognitive theory*. In R. Vasta (Ed.), *Annals of child development. Vol.6. Six theories of child development*: 1-60. *citeseerx.ist.psu.edu/viewdoc/download? [15 Ogos 2008]*.

Bandura, Albert. 1997. *Social learning theory*. Englewood Cliffs: Prentice-Hall.

Fazal Mohamed Mohamed Sultan, Junaini Kasdan, Nor Hashimah Jalaluddin & Zaharani Ahmad. 2010. Struktur kata kerja transitif + lagi dalam kalangan pelajar sekolah menengah. *Jurnal Linguistik 10* (*Edisi Khas*): 36-47.

Juriah Long, Raminah Sabran & Sofiah Hamid. 1994. *Perkaedahan pengajaran bahasa Malaysia.* Kuala Lumpur: Penerbitan Fajar Bakti.

Kamus Dewan Edisi Keempat. 2005. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Koh Boh Boon. 1994. *Perspektif-perspektif dalam pengajaran bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

McEnery, A. & Wilson, A. 1993. The role of corpora in cumputer-assisted language learning. *Computer assisted language learning 6(3)*: 233-248.

Mohd Daud Taha. 1992. Masalah penguasaan bahasa Melayu di kalangan pelajar di tingkatan menengah atas di Negara Brunei Darussalam. Tesis Sarjana Sains. Universiti Putra Malaysia, Serdang.

Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Musa & Abdul Hamid Mahmood. 2006. *Tatabahasa Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Nor Hashimah Jalaluddin. 2010. Sosiokognitif dan penguasaan pragmatik bahasa Melayu remaja Malaysia: kupasan ilmiah. *Jurnal Linguistik 10* (*Edisi Khas*): 1-21.

Nor Zaiton Hanafi, Nor Azura Mohd Salleh & Zamri Mahamood. 2008. Analisis kesalahan bahasa dalam penulisan karangan pelajar Cina ketika belajar bahasa Melayu. Dlm. Zamri Mahamood (pnyt). *Psikologi dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu* hlm. 117 -145. Shah Alam: Karisma Publications Sdn. Bhd.

Zaharani Ahmad & Fazal Mohamed Mohamed Sultan. 2010. Tahap penguasaan bahasa Melayu remaja Malaysia: analisis aspek tatabahasa. *Jurnal Linguistik 10* (*Edisi Khas*): 48-61.

Zaharani Ahmad (pnyt). 2008. *Aspek nahu praktis bahasa Melayu*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.